

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 19 December, 2019 8:22 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Gig Ekonomi Bantu Dalam Penjanaan Pendapatan Sendiri



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 DISEMBER 2019 / 22 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Zarith Sofea Zaharin
Gambar oleh: SMMTC

GIG EKONOMI BANTU DALAM PENJANAAN PENDAPATAN SENDIRI



UUM ONLINE: Landskap dunia media kini mulai berubah dengan perkembangan teknologi sehingga peluang pekerjaan semakin terhad khususnya kepada graduan bidang media.

Kebimbangan fenomena tersebut menyebabkan graduan media pada hari ini mula beralih arah untuk melakukan aktiviti 'gig ekonomi' berikutan kekurangannya peluang pekerjaan dalam bidang media terutama dalam organisasi media arus perdana di negara ini setelah munculnya kemajuan teknologi.

Dekan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak berkata, pelbagai pengetahuan teknikal dan penggunaan peralatan terkini perlu dikuasai oleh pelajar selaras dengan tuntutan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang berkonsepkan media dan ekonomi digital.

Menurutnya, keusahawanan media digital diterapkan kepada pelajar untuk mengendalikan 'solo business' selaras dengan keperluan IR 4.0 yang mana memerlukan penggunaan kemahiran sedia ada bagi menjana pendapatan sendiri tanpa bergantung dengan organisasi media yang besar di negara ini.

"Aktiviti gig ekonomi yang diterapkan akan membantu universiti daripada segi meningkatkan dan memperkasa kebolehpasaran graduan kerana mereka tidak perlu bergantung untuk bekerja dengan sektor kerajaan atau organisasi media arus perdana.

"Peluang melakukan gig ekonomi boleh dilakukan oleh mereka di dalam ataupun luar negara kerana pelajar didedahkan dengan teknik-teknik baru dalam dunia media termasuk media sosial," katanya pada Majlis Perasmian Produk GIG Ekonomi (Sintok Media) di Dewan Seminar SMMTC, baru-baru ini.

Lebih 200 pelajar media yang terlibat dalam projek Digital Integrated News Room UUM turut hadir memeriahkan majlis tersebut.

Dr. Mohd Sobhi berkata, dengan menerapkan elemen kemahiran, mereka mampu bergraduasi dengan penuh bergaya kerana dunia media pada hari ini memerlukan pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran, berpengetahuan tinggi dan berdaya saing.

Katanya, pengalaman menguruskan produk gig ekonomi (Sintok Media) di universiti mampu mendidik mereka untuk berada dalam dunia perniagaan yang sebenar serta ia boleh diterapkan dalam kehidupan hari mereka selepas bergelar graduan satu hari nanti.

Istilah 'gig ekonomi' mula diperkenalkan pada 2009 iaitu selepas kemelesetan ekonomi global.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.